

02 MAR 1997

Pesawat-Terhempas

PESAWAT CESSNA TERHEMPAS, TIGA TERBUNUH

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Kesemua tiga orang, dua jurukamera Filem Negara dan juruterbang, terbunuh apabila pesawat ringan Cessna 172 milik Mofaz Air yang mereka naiki terhempas di kawasan belukar berpaya di Kampung Bakau, Kelibang, di sini.

Menurut polis, jurukamera Filem Negara itu dikenali sebagai Abdul Razak Md Nor, 43, dan Ishak Latif, 32, manakala juruterbang itu ialah Nik Alfian Nik Abdul Ghani, 26, berasal dari Kota Baharu, Kelantan.

Ketua Daerah Polis Langkawi Supt Wan Ali Abu Shahmah memberitahu pemberita di Hospital Langkawi bahawa kejadian itu berlaku pada pukul 3.45 petang.

Pesawat itu disewa khas oleh Filem Negara untuk membawa kedua-dua jurukamera membuat rakaman perlumbaan basikal peringkat akhir Le Tour de Langkawi, di sini.

Kejadian itu berlaku kira-kira 15 minit selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan para peserta perlumbaan itu, di hadapan Kompleks Lada.

Kedua-dua jurukamera itu adalah dari Kuala Lumpur.

Mereka terlibat dalam membuat rakaman melalui udara Le Tour de Langkawi sejak perlumbaan itu bermula di Kota Kinabalu.

Sementara itu, seorang saksi Isaudin Ani, 25, berkata beliau sedang menyiram pokok bunga di halaman rumahnya apabila kejadian itu berlaku.

"Saya nampak pesawat itu berlegar di udara...enjin kedengaran perlahan dan sekejap-sekejap mati.

"Pesawat itu saya lihat berpatah balik ke arah Kuah tetapi sejurus kemudian terbang rendah kira-kira setinggi pokok kelapa sebelum menjunam ke dalam belukar paya hampir 30 meter dari rumah saya," kata Isaudin, yang bekerja di sebuah hotel di Kuah.

Katanya, beliau berkejar ke tempat kejadian yang terletak kira-kira 500 meter dari Jalan Kelibang dan mendapati ada tiga orang di dalam pesawat.

Katanya, beliau adalah orang pertama tiba di situ dan melihat seorang mangsa menggerak tangan seperti memberi isyarat meminta tolong manakala yang dua lagi tidak bergerak lagi.

"Saya cuba membuka pintu pesawat tetapi tidak berjaya kerana terlekat. Saya menjerit kepada mangsa mengatakan saya akan pergi meminta bantuan," katanya.

Seorang lagi saksi, Mohamad Abdullah yang ditemui di tempat kejadian berkata beliau sedang memandu kereta untuk pulang ke rumahnya apabila melihat pesawat itu menjunam ke dalam paya itu.

"Memikirkan sesuatu telah berlaku, saya memberhentikan kereta dan terus berkejar ke tempat kejadian dan apabila tiba di situ, saya mendapati ketiga-tiga mangsa masih berada di dalam pesawat," katanya.

Mohamad berkata beliau dengan bantuan anggota polis dapat mengeluarkan seorang daripada mangsa itu, yang ketika itu dipercayai masih hidup.

Mangsa itu, Abdul Razak diterbangkan dengan sebuah helikopter polis ke Hospital Langkawi tetapi meninggal dunia dalam perjalanan.

Menurut Wan Ali, Ishak dan Nik Alfian mati di tempat kejadian.

Pasukan bomba, polis dan Jabatan Penerbangan Awam terlibat dalam gerakan itu.

Kejadian itu adalah yang kedua melibatkan pesawat Cessna milik Mofaz Air di Langkawi. Kejadian yang pertama berlaku pada tahun lepas apabila sebuah pesawat Cessna terhempas di Kampung Nyior Cabang di sini.

Juruterbangnya terselamat.

Sementara itu, Timbalan Ketua Daerah Polis Langkawi DSP Ahmad Ibrahim berkata polis akan menubuhkan pasukan penyiasat untuk mengenal pasti punca nahas. -- BERNAMA

ZI MFJ AKD